

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA MELETAK BATU ASAS KOMPLEKS IBU PEJABAT MADA,
EMPANG JAJAR, JALAN LENCONG BARAT,

TEMPAT: EMPANG JAJAR, JALAN LENCONG BARAT, ALOR SETAR,

TARIKH: 27 MAR 1982

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Syed Nahar Shahabudin,
Menteri Besar Kedah yang juga Pengerusi MADA,
dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Nik Maimunah;
Yang Amat Berhormat Tuan Hj. Ali b. Ahmad,
Menteri Besar Perlis dan Isteri;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MADA;
Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala yang telah melimpahkan keizinanNya untuk membolehkan kita berkumpul di upacara yang meriah dan bersejarah ini, khususnya dalam konteks pembangunan negeri-negeri Kedah dan Perlis.

2. Pada tahun 1966, kita di Negeri Kedah dan Perlis telah menyaksikan kerja-kerja pembinaan sebuah rancangan pembangunan yang terbesar di bawah Rancangan Malaysia Pertama, iaitu apa yang kita kenali sekarang sebagai Rancangan Pengairan Muda. Kerja-kerja pembinaan itu telah dapat dilaksanakan dengan jayanya, secara berperingkat-peringkat, dan hasilnya, sebagaimana yang kita sekelian maklum, ialah kita telah dapat menakung air di dalam dua kolam yang besar, iaitu Kolam Muda dan Kolam Pedu. Dengan menggunakan saluran-saluran taliair yang telah disiapkan maka pada tahun 1970, petani-petani di Kawasan Muda ini telah dapat memulakan tanaman dua kali setahun. Ini adalah satu perubahan teknologi yang besar yang memisahkan corak hidup petani-petani padi daripada ekonomi secukup hidup kepada ekonomi komersial yang lebih produktif dan menjaminkan. Yang kita harus sedari bukanlah semata-mata perbelanjaan yang besar untuk melaksanakan Rancangan Pengairan Muda ini akan tetapi yang lebih penting lagi ialah faedahnya kepada 63,000 keluarga petani yang mengerjakan 96,000 hektar bendang di dalam kawasan projek ini.

3. Telah menjadi kelaziman, banyak orang menilai sesuatu projek pembangunan itu semata-mata dari segi saiz projek tersebut dan kosnya. Penilaian ini tidaklah salah, tetapi kos atau harga tidak dapat memberi makna yang sepenuhnya kerana ia cuma menunjukkan aspek perangkaan sahaja. Kita

mestilah juga melihatnya dari perspektif yang lebih luas. Nilai sesebuah projek pembangunan itu bukanlah terletak pada kecil-besarnya dan tidak juga pada mahal-murahnya. Tumpuan kita sewaktu menilai kejayaan sesuatu projek pembangunan itu hendaklah dilebihkan kepada aspek-aspek sosial dan ekonomi, faedahnya kepada rakyat dan negara dan apakah rakyat pula telah memenuhi kehendak projek supaya apa yang dirancangkan itu dapat mereka perolehi di peringkat yang maksima?

4. Pada hemat saya kita tidak perlu menjawab soalan-soalan ini kerana kita telah sama-sama maklum akan kejayaan-kejayaan dalam bidang sosial dan ekonomi yang telah dicapai melalui projek ini sejak tahun 1970 hingga sekarang. Soalnya sekarang ialah kita hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan lagi pencapaian ini. Ini adalah satu soalan yang besar, yang hendaklah sentiasa dijadikan asas

5. Walau bagaimana pun, dalam tahun-tahun kebelakangan ini kedudukan bekalan air di Kawasan Muda ini adalah kurang menggalakkan. Kedudukan bekalan air yang kurang menggalakkan itu telah menimbulkan beberapa masalah kepada petani-petani. Saya percaya petani-petani Kawasan Muda ini mengetahui kedudukan yang sebenar mengapa masalah bekalan air pengairan itu telah timbul, dalam tahun-tahun yang kebelakangan ini. Akan tetapi malangnya ada golongan-golongan yang tertentu, dengan niat jahatnya, telah mengambil kesempatan ini lalu melemparkan berbagai tohmah terhadap Kerajaan dengan berkata bahawa Kerajaan sengaja mengadakan masalah itu. Ini tidaklah benar sama sekali.

6. Ingin saya tegaskan di sini bahawa kesulitan bekalan pengairan yang dihadapi dalam tahun-tahun kebelakangan ini ialah akibat beberapa faktor yang di luar dari kawalan kita, seperti kemarau yang sering berlaku di kawasan ini. Saya sendiri sangat memandang berat terhadap masalah yang dihadapi oleh saudara-saudara petani kita di sini. Kerajaan Negeri dan Pusat sedang menjalankan berbagai langkah dan berusaha sedaya upaya menghadapi masalah ini. Usaha-usaha juga sedang dijalankan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan mencari punca-punca air tambahan.

Saudara-saudara sekalian.

7. Masa hadapan negara kita adalah cerah, tetapi janganlah pula kita lupa membuat persediaan yang cukup sebagai bekalan untuk menghadapinya. Manakala Kerajaan melaksanakan berbagai-bagai program untuk faedah para petani, para petani pula hendaklah bersedia menerima perubahan-perubahan dan mengamalkan teknologi baru yang secucuk dengan zaman. Tidak ada sebarang kejayaan yang boleh dicapai dengan mudah. Untuk mencapai kejayaan, kita hendaklah sanggup bekerja keras dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab. Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk berdikari.

8. Dalam bidang ekonomi, sektor pertanian akan terus memainkan peranan penting sebagai pembekal makanan utama dan juga pengeluaran bahan-bahan mentah untuk kegunaan dalam

negeri dan juga diekspot. Sebagai sektor utama dan mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi Kerajaan memberi keutamaan kepada program dan projek pembangunan bertujuan untuk menambahkan lagi pendapatan petani-petani dan meningkatkan daya pengeluaran mereka melalui permodenan sektor pertanian tradisi. Kalau pendapatan dan taraf hidup petani-petani di Republik Korea dan di Negeri Jepun umpamanya dapat meningkat setaraf dengan pendapatn dan taraf hidup masyarakat bandar di kedua-dua buah negara tersebut, maka petani-petani di Malaysia juga mempunyai potensi untuk mencapai tahap pembangunan seperti itu. Kerajaan yakin, Insya'allah, pendapatan dan taraf hidup petani-petani kita boleh ditingkatkan lagi. Bagi mencapai matlamat ini Kerajaan akan terus memodenkan sektor pertanian. Di samping itu petani-petani pula mestilah tekun meluaskan pengetahuan mengenai pengurusan ladang, sains tanaman dan teknologi yang berkaitan. Kita tidak dapat memodenkan sektor pertanian secara menyeluruh dalam sekelip mata. Proses ini memakan masa, dan kejayaannya amat bergantung kepada hubungan baik, ketekunan, dan kerjasama di antara pihak Kerajaan dan para petani.

Para hadirin sekalian.

9. Sebagai langkah ke arah tersebut maka adalah sesuai bahawa MADA mempunyai sebuah Kompleks Ibu Pejabatnya sendiri. Adalah menjadi harapan saya, apabila siap kelak, kompleks ini akan meningkatkan lagi semangat di kalangan seluruh kakitangan MADA untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi demi mencapai cita-cita meninggikan taraf hidup masyarakat petani di dalam Kawasan Muda dan juga untuk menambahkan pengeluaran beras untuk keperluan negara.

Terima kasih.